

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan berjaya dijimatkan menerusi enam langkah berjimat yang diumumkan Kerajaan dalam Penstrukturan Semula Bajet 2015 baru-baru ini, ekoran keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui semakan Bajet 2015 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Januari 2015 yang lalu, Kerajaan telah mencadangkan

langkah-langkah rasionalisasi perbelanjaan yang dijangka membawa kepada penjimatan perbelanjaan sebanyak RM5.5 bilion. Langkah ini, termasuk:

- i. Mengawal perbelanjaan melalui inisiatif penjimatan kos dengan mengoptimumkan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional (penjimatan sebanyak RM1.6 bilion);
- ii. Menangguhkan program Latihan Khidmat Negara tahun 2015 untuk tujuan kajian semula dan ditambah baik (penjimatan sebanyak RM400 juta);
- iii. Mengkaji semula pemberian dan geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta tabung Amanah Kerajaan, terutamanya yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi (penjimatan sebanyak RM3.2 bilion); dan
- iv. Menjaduakan semula pembelian aset tidak kritikal (penjimatan sebanyak RM300 juta).

Kerajaan yakin dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut dan

mengambil kira kedudukan hasil Kerajaan Persekutuan, sasaran paras defisit fiskal pada 3.2% daripada KDNK akan dicapai bagi tahun ini dan seterusnya ke arah bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020.